

Rujukan : UKM KPD/246/3

Tarikh : 9 November 2015

Semua Pelajar Berdaftar
Semester 1 Sesi Akademik 2015-2016
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/i,

**PERMOHONAN MASUK PEPERIKSAAN DAN DRAF JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN SEMESTER 1
SESI AKADEMIK 2015-2016**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir bagi Program Eksekutif dan Berterusan Jarak Jauh (PBJJ) Semester 1 Sesi Akademik 2015-2016 akan diadakan pada **25 Januari hingga 21 Februari 2016**.

Sehubungan itu, saudara/i dikehendaki membuat pengesahan permohonan masuk peperiksaan Semester 1 Sesi Akademik 2015-2016 melalui **SMPE** mulai **30 November hingga 6 Disember 2015**. Dalam paparan di SMPE akan tersenarai kursus yang saudara/i daftar pada semester ini, saudara/i perlu menekan butang SAH jika semua kursus dipaparkan adalah betul. Semua pelajar perlu membuat permohonan masuk peperiksaan ini untuk memastikan semua kursus yang saudara/i daftarkan telah tersenarai di dalam senarai pendaftaran kursus semasa. Saudara/i yang gagal membuat permohonan masuk peperiksaan dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dikenakan denda sebanyak RM50.00.

Draf jadual peperiksaan akhir Semester 1 Sesi Akademik 2015-2016 akan dipaparkan di laman web PKP bermula **30 November 2015**. Sekiranya terdapat percanggahan jadual peperiksaan, saudara/i dikehendaki memaklumkan kepada Unit Peperiksaan dan Pengijazahan PKP sama ada melalui emel mazuna@ukm.edu.my atau faks ke talian 03-89269182 selewat – lewatnya pada **6 Disember 2015**.


Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat tersebut, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Jika semasa peperiksaan, saudara/i tidak hadir bagi kursus - kursus berkenaan, saudara/i akan diberi gred E (gagal).

Jadual Waktu Peperiksaan muktamad dipaparkan dalam Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) dan boleh dicetak dari SMPE mulai **28 Disember 2015**. Pelajar dinasihatkan menjelaskan yuran yang tertunggak **2 minggu lebih awal** daripada tarikh tersebut untuk mengelakkan sebarang kesulitan. Pelajar yang tidak mempunyai KMJP tidak akan dibenarkan memasuki peperiksaan.

Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan persiapan saudara/i menduduki peperiksaan berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



MAZUNA JAMALUDDIN

Eksekutif

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan

b.p. Pengarah

- s.k.
- Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
 - Penyelaras Program
 - Eksekutif, Unit Pengurusan Program dan Rekod Pelajar